



SIARAN MEDIA

JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)

MAJLIS PELUNCURAN KAMPUNG ANGKAT MADANI DAN SEKOLAH ANGKAT MADANI JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)

Hulu Terengganu, 29 Jun 2025- YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Dalam Negeri telah menyempurnakan Majlis Peluncuran Kampung Angkat Madani dan Sekolah Angkat Madani Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) di Dewan Besar Majlis Daerah Hulu Terengganu.

Kampung Buluh di Hulu Terengganu telah dipilih sebagai Kampung Angkat Madani RELA Malaysia manakala dua buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Tengku Ampuan Intan dan Sekolah Kebangsaan Kemat turut dipilih sebagai Sekolah Angkat Madani. Lebih istimewa, YBhg. KPjR Lokman Effendi Ramli, Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) adalah bekas pelajar sekolah tersebut pada tahun 1977 hingga 1981.

Terdahulu YB Menteri Dalam Negeri diiringi YBhg. Ketua Pengarah RELA Malaysia, pengurusan tertinggi Kementerian Dalam Negeri, warga RELA dan penduduk kampung menyertai Program Khidmat Bakti RELA Madani membaiki rumah salah seorang anggota RELA di Kampung Tara, Hulu Terengganu. Seterusnya, YB Menteri Dalam Negeri dan rombongan telah meluangkan masa untuk meninjau pelaksanaan projek yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi menaik taraf

kawasan tempat meletak kenderaan dan dataran kejut surau An-Nur Tanah Lot, Padang Tara, Kampung Buluh, Hulu Terengganu.

Program ini merupakan salah satu manifestasi kerajaan dalam Belanjawan 2024 bertemakan “Reformasi Ekonomi Memperkasa Rakyat”, yang bermatlamat merapatkan jurang pembangunan antara desa dan bandar dengan melengkapkan kemudahan asas air, elektrik, jalan, lampu jalan, dan capaian internet dapat dipertingkatkan melalui pendekatan “whole of Government” di setiap kampung yang terpilih. Sebanyak RM200 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan bagi pelaksanaan program ini melibatkan 200 buah kampung sepanjang tahun 2025.

RELA Malaysia telah merancang untuk melaksanakan program seperti berikut:

- i. Penyelenggaraan dan naik taraf saliran dan longkang di sekitar Kawasan Kampung Buluh, Hulu Terengganu
- ii. Penyelenggaraan, penurapan semula premix dan naik taraf seperti pembesaran jalan di beberapa jalan di Kawasan Kampung Buluh, Hulu Terengganu
- iii. Pemasangan meter elektrik di beberapa tempat kemudahan awam di Kampung Buluh, Hulu Terengganu
- iv. Pemasangan lampu limpah/ lampu solar di beberapa kawasan dan kemudahan awam di Kampung Buluh, Hulu Terengganu
- v. Naik taraf Wakaf Komuniti Kampung di beberapa kawasan-kawasan yang strategik
- vi. Kerja-kerja penyelenggaraan untuk mengelakkan hakisan tanah
- vii. Naik taraf fasiliti sukan di Kampung Buluh, Hulu Terengganu
- viii. Naik taraf kawasan meletak kenderaan di surau dan dataran kejut
- ix. Program kemasyarakatan bersama penduduk setempat

Semasa majlis peluncuran ini, YB Menteri Dalam Negeri telah menyampaikan simbolik penyerahan projek Kampung Angkat Madani kepada wakil Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan, Kampung Buloh Batu Bersurat, serta guru besar Sekolah Kebangsaan Kemat dan Sekolah Kebangsaan Tengku Ampuan Intan selaku penerima Sekolah Angkat Madani. Turut disampaikan

simbolik penyerahan RELA Patrol Kit (RPK) Madani kepada PPjKR Noraliza binti Majid, Pengarah RELA Negeri Terengganu, penyerahan bantuan barangan keperluan asas yang disumbangkan oleh Yayasan Food Bank Malaysia dan sumbangan kerusi roda kepada penduduk setempat.

Sepanjang program pada hari ini, RELA Negeri Terengganu telah menawarkan program Khidmat Bakti RELA Madani menggunting rambut, perkhidmatan menukar minyak hitam motorsikal, dan buat julung kalinya memperkenalkan pemeriksaan gajet secara percuma oleh abang RELA, pameran dan perkhidmatan dari agensi sahabat serta Jualan Rahmah kepada pengunjung yang hadir.

JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)
Kementerian Dalam Negeri
Putrajaya